

Changlun banjir selepas hujan lebat 24 jam

KUBANG PASU 17 Sept. - Penduduk di sekitar pekan Changlun di sini terpaksa berjaga sejak pukul 12 tengah malam sehingga awal pagi ini kerana bimbang rumah mereka dinaiki air disebabkan limpahan air Sungai Changlun ekoran hujan lebat sejak semalam.

Seorang penduduk, **Rashidi Ashtro**, 45, berkata, dia tidak dapat melepaskan mata kerana mahu bersiap sedia untuk menyelamatkan diri apabila air sungai tersebut mula melimpahi tebing kira-kira pukul 4 pagi hari ini.

“Sejak saya tinggal di sini lebih 10 tahun lalu kawasan ini kerap dinaiki air apabila hujan lebat turun tanpa berhenti.

“Selepas hujan seharian semalam saya mula berasa tidak sedap hati lalu saya ambil keputusan untuk berjaga sejak pukul 12 tengah malam untuk memantau keadaan,” katanya ketika ditemui di pekan Changlun di sini hari ini.

Menurutnya, air mula memasuki kawasan rumahnya kira-kira pukul 9 pagi ini dan dia mengambil keputusan untuk keluar dari rumah tersebut untuk mencari kawasan selamat.

“Paras air di pekan Changlun ini antara paras lutut hingga pinggang dan belum ada tanda-tanda air

akan surut,” ujarnya.

Dalam pada itu Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Bukit Kayu Hitam, **Datuk Ahmad Zaini Japar** berkata, lebih 1,000 penduduk di lapan buah kampung di sekitar Changlun terlibat dalam banjir yang melanda hari ini.

“Kampung tersebut ialah Kampung Paya Nomi, Kampung Belukar, Kampung Rantau, pekan Changlun, Kampung Sungai Petani, Taman Rasa Sayang, Kampung Bendang Ceruk dan Kampung Padang Pasir.

“Kita masih memantau keadaan dan semua agensi telah diarahkan untuk bersiap

sedia membantu mangsa banjir.

“Pusat-pusat pemindahan yang ada di sekitar Changlun seperti Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Changlun, SMK Hosba dan lain-lain akan dibuka jika keadaan banjir bertambah buruk,” jelasnya.

Sementara itu, Pegawai Jabatan Pertahanan Awam Malaysia (JPAM) Kubang Pasu, **Kamalruza-mal Kasa** berkata, pihak JPAM menerima laporan mengenai kejadian banjir kira-kira pukul 4 pagi ini dan anggota JPAM telah diarahkan untuk memantau keadaan banjir dengan segera.



RASHIDI ASHTRO